



# PANITIA PRINSIP PERAKAUNAN SMK CONVENT ALOR SETAR



## MODUL ULANGKAJI PRINSIP PERAKAUNAN JAWAPAN MODUL PENINGKATAN PRESTASI SPM *NEGERI KEDAH 2023*

**(KERTAS 2)**

SOALAN 1 HINGGA 6  
BESERTA HURAIAN



NAMA: .....

KELAS: .....

Disediakan oleh:

En. Mhd Hamdee Azlan bin Mhd Hambali

## MODUL ULANGKAJI KENDIRI – SOALAN STRUKTUR (KEDAH 2023)

a) Kenal pasti akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan dalam urus niaga berikut:

Pemilik memindahkan wang peribadinya RM1 100 secara dalam talian untuk membayar sewa kedai.

**Jawapan:** Debit Akaun Sewa  
Kredit Akaun Modal

Menggunakan wang peribadi untuk membayar belanja perniagaan, **Modal + (kt)** dan **Belanja + (dt)**

b) Dokumen di bawah diambil daripada buku perakaunan Kedai Perabot Hateem.

BIL TUNAI					BT 2023/3188
Kedai Alat Tulis Waheed					Secara tunai
Lot 123 Jalan Rambai 2/6					
Taman Rambai, 09000 Kulim, Kedah					
Kepada:			Pembeli	Tarikh : 17 April 2023	Nilai urus niaga
Kedai Perabot Hateem					
Bil.	Keterangan	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	Alat tulis
1	Fail kulit tebal	20	4.00	80.00	
2	Pen	10	2.00	20.00	
3	Kertas A4	10	15.00	150.00	
<b>JUMLAH</b>				<b>250.00</b>	
Ringgit: Dua ratus lima puluh sahaja					Shiraz Kerani
Tunai/No. Cek :					

Berdasarkan dokumen di atas, tunjukkan kesan urus niaga terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Kedai Perabot Hateem.

### Penerangan:

Soalan ini memerlukan murid menunjukkan kesan urus niaga terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik ke atas **Persamaan Perakaunan**.

Urus niaga di atas ialah perniagaan yang menjual perabot membeli alat tulis secara tunai bernilai RM250.

Belanja memberi kesan **pengurangan** Ekuiti Pemilik.

Pembayaran tunai memberi kesan **pengurangan** Aset

**Jawapan:** Aset berkurang RM250  
Ekuiti Pemilik berkurang RM250

Jawapan mesti diletakkan nilai RM kerana maklumat dalam dokumen sumber menyatakan nilai urus niaga.

- c) Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Bengkel Motor Annuar yang menjalankan perniagaan membaiki motosikal.

	<b>awal</b> 1 Januari 2022	<b>akhir</b> 31 Disember 2022
Alat-alat kecil	RM1 300	RM1 890


**Maklumat tambahan:**

**beli**

Alat-alat kecil berjumlah RM3 170 telah dibeli sepanjang tahun 2022.  
Hitung susut nilai alat-alat kecil tersebut.

**Jawapan:**

$$\begin{aligned} \text{Susut nilai alat-alat kecil} &= \text{Baki awal} + \text{Belian} - \text{Baki akhir} \\ &= \text{RM1 300} + \text{RM3 170} - \text{RM1 890} \\ &= \text{RM2 580} \end{aligned}$$

  
Gunakan rumus Susut Nilai  
**Kaedah Penilaian Semula.**

- d) Nyatakan catatan kontra bagi Akaun Belian.

**Jawapan:** Pulangan belian / Pulangan keluar

- e) Nyatakan rumus untuk menghitung untung bersih mengikut kaedah perbandingan dalam Rekod Tak Lengkap.

**Jawapan:**


**Untung bersih** = Modal akhir + Ambilan – Modal Awal – Modal Tambahan

- f) Syarikat ASJ Berhad telah menerbitkan **300 000 unit Syer Biasa** pada nilai **RM1.00** sesyer dan **200 000 unit 8% Syer Keutamaan** pada nilai **RM2.00** sesyer pada 1 Mac 2023.

Pada tarikh tutup permohonan 15 Mac 2023, jumlah **wang yang diterima** untuk langganan **Syer Biasa** ialah **RM400 000** dan **8% Syer Keutamaan** ialah **RM360 000**.

Hitung lebihan atau kekurangan langganan bagi:


- (i) Syer Biasa  
(ii) Syer Keutamaan

  
Bandingkan antara **JUMLAH WANG DITERIMA** dengan **NILAI SYER DITERBITKAN** untuk setiap jenis syer.


**INGAT!** Syer diterbitkan = **Unit Syer × Harga**

**Jawapan:**

$$\begin{aligned} \text{Syer Biasa} &= \text{RM400 000} - (300 000 \text{ unit} \times \text{RM1.00}) \\ &= \text{RM400 000} - \text{RM300 000} \\ &= \text{RM100 000 (Lebihan)} \end{aligned}$$

  
Wang diterima **melebihi** nilai syer diterbitkan.

$$\begin{aligned} \text{8% Syer Keutamaan} &= \text{RM360 000} - (200 000 \text{ unit} \times \text{RM2.00}) \\ &= \text{RM360 000} - \text{RM400 000} \\ &= \text{RM40 000 (Kurangan)} \end{aligned}$$

  
Wang diterima **kurang** daripada nilai syer diterbitkan.

## MODUL ULANGKAJI KENDIRI – MILIKAN TUNGGAL (KEDAH 2023)

Cik Anis, pemilik tunggal perniagaan Lovely Boutique menjalankan perniagaannya di Lot 88 Sungai Petani, Kedah.

Berikut ialah baki-baki akaun yang diperolehi daripada buku-buku perakaunan Lovely Boutique bagi tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2023.

	1 Julai 2022 (RM)	30 Jun 2023 (RM)
Modal	99 990	99 990
Inventori	28 400	12 879
Peruntukan hutang ragu	281	400
Pinjaman (matang pada 28 Februari 2024)	10 000	4 000
Premis (kos)	240 000	240 000
Kenderaan (kos)	100 000	100 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	32 000	38 800
Lengkapan (kos)	50 000	?
Susut nilai terkumpul lengkapan	15 000	?
Akaun Belum Terima		16 250
Akaun Belum Bayar		7 650
Tunai di bank		15 508
Tunai di tangan		350
Belian		322 560
Jualan		650 034
Pulangan masuk		1 250
Angkutan masuk		4 500
Insurans kedai		3 000
Gaji		22 383
Komisen diterima		5 372
Diskaun diberi		1 160
Sewa diterima		2 220
Ambilan		8 746
Faedah atas Pinjaman		600
Utiliti		1 840

### **Maklumat Tambahan:**

- (i) Insurans prabayar RM200.
- (ii) Komisen RM500 diterima terlupa direkodkan. Tunai yang diterima digunakan untuk membeli alat tulis adiknya.
- (iii) Sewa RM800 telah diterima untuk lima bulan berakhir 31 Julai 2023.
- (iv) Rak pameran (kos RM8 000) yang dibeli pada 1 Januari 2020 telah dijual pada 30 Jun 2023 dengan harga RM2 000. Wang yang diterima digunakan untuk membeli barang niaga.
- (v) Susut nilai lengkapan ialah 20% setahun mengikut kaedah garis lurus.

### **Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023

## FAHAMI SOALAN

Maklumat yang diberikan baki awal dan baki akhir:

	<b>awal</b>	<b>akhir</b>
	<b>1 Julai 2022</b>	<b>30 Jun 2023</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Modal (EP)	99 990	99 990
Inventori (KJ / AS)	28 400	12 879
Peruntukan hutang ragu (AS - K)	281	400
Pinjaman (matang pada 28 Februari 2024)	10 000	4 000
Premis (kos) (ABS)	240 000	240 000
Kenderaan (kos) (ABS)	100 000	100 000
Susut nilai terkumpul kenderaan (ABS - K)	32 000	38 800
Lengkapan (kos) (ABS)	50 000	?
Susut nilai terkumpul lengkapan (ABS - K)	15 000	?
Akaun Belum Terima (AS)		16 250
Akaun Belum Bayar (LS)		7 650
Tunai di bank (AS)		15 508
Tunai di tangan (AS)		350
Belian (KJ)		322 560
Jualan (J)		650 034
Pulangan masuk (J)		1 250
Angkutan masuk (KJ-AUDI)		4 500
Insurans kedai (B) (i)		3 000
Gaji (B)		22 383
Komisen diterima (H) (ii)		5 372
Diskaun diberi (B)		1 160
Sewa diterima (H) (iii)		2 220
Ambilan (EP - K) (ii)		8 746
Faedah atas Pinjaman (B)		600
Utiliti (B)		1 840

### NOTA 3

Pinjaman akan matang dalam tempoh 8 bulan. Jadi baki RM4 000 adalah **Liabiliti Semasa**

### NOTA 1

PHR akhir RM400 menunjukkan peningkatan daripada PHR awal RM281. Jadi, terdapat belanja Hutang Ragu RM119 (400 - 281)

### NOTA 2

Perbezaan antara SNT akhir dan SNT awal ialah Belanja Susut Nilai iaitu RM6 800 (38800-32000)

Memahami kesan pelarasan di maklumat tambahan:

- (i) Insurans prabayar RM200.

Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
Insurans prabayar perlu <b>ditolak</b> daripada belanja insurans. = RM3 000 - RM200 = <b>RM2 800</b>	Insurans prabayar <b>RM200</b> sebagai Aset Semasa.

NOTA 4

- (ii) Komisen RM500 diterima terlupa direkodkan. Tunai yang diterima digunakan untuk membeli alat tulis adiknya.

Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
Komisen diterima perlu <b>ditambah</b> dengan amaun terlupa catat. = RM5 372 + RM500 = <b>RM5 872</b>	Tunai tersebut digunakan untuk kegunaan peribadi, jadi <b>ambilan</b> perlu ditambah. = RM8 746 + RM500 = <b>RM9 246</b>

NOTA 5

(iii) Sewa RM800 telah diterima untuk lima bulan berakhir 31 Julai 2023.

Pengiraan akan berdasarkan angka RM800, bukannya keseluruhan sewa iaitu RM2 220. Tarikh soalan berakhir pada 30 Jun 2023 manakala tarikh sewa adalah sehingga 31 Julai. Jadi terdapat **sewa belum terperoleh selama sebulan** yang perlu **ditolak** daripada hasil sewa.

Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
= RM2 220 – RM160 = <b>RM2 060</b>	Sewa belum terperoleh akan direkodkan sebagai Liabiliti Semasa.
Rujuk pengiraan sewa belum terperoleh di sebelah.	= RM800 x 1/5 = <b>RM160</b>

NOTA 6

(iv) Rak pameran (kos RM8 000) yang dibeli pada 1 Januari 2020 telah dijual pada 30 Jun 2023 dengan harga RM2 000. Wang yang diterima digunakan untuk membeli barang niaga.

(v) Susut nilai lengkapan ialah 20% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Kedua-dua maklumat tambahan (iv) dan (v) perlu dibaca bersama. Pertama sekali, perhatikan bahawa rak pameran tersebut **dijual pada 30 Jun 2023**. Jadi pengiraan belanja susut nilai lengkapan untuk tempoh perakaunan semasa masih **perlu mengambil kira** nilai perabot ini kerana ia **masih digunakan sepanjang tahun**. Oleh itu, pengiraan susut nilai akan berdasarkan nilai asal kos lengkapan iaitu RM50 000.


Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
Susut nilai lengkapan = %SN x Kos = 20% x RM50 000 = <b>RM10 000</b>	Susut nilai terkumpul = RM15 000 + RM10 000 = RM 25 000 (bukan jawapan akhir)

NOTA 7

Kemudian, bagi rak pameran yang dijual, murid perlu **mengira jumlah susut nilai terkumpul** aset tersebut dari **tarikh ia dibeli sehingga tarikh ia dijual** kerana susut nilai terkumpul ini perlu **ditolak** daripada baki susut nilai terkumpul terkini.

Pengiraan susut nilai terkumpul lengkapan yang dijual:

Tahun	Pengiraan	RM
<b>Beli</b> 1 Jan 2020 – 30 Jun 2020	= 20% x RM8 000 x 6/12	= RM800
1 Julai 2020 – 30 Jun 2021	= 20% x RM8 000	= RM1 600
1 Julai 2021 – 30 Jun 2022	= 20% x RM8 000	= RM1 600
1 Julai 2022 – <b>Jual</b> 30 Jun 2023	= 20% x RM8 000	= RM1 600
Susut Nilai Terkumpul yang perlu <b>ditolak</b>		<b>= RM5 600</b>

 Kos dan Susut Nilai Terkumpul aset yang dijual perlu ditolak daripada baki di Penyata Kewangan.

Kemudian, murid perlu mengira untung atau rugi pelupusan dan juga kedudukan terkini baki untuk lengkapan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
Untung / Rugi Pelupusan Lengkapan = Harga jualan – Nilai buku aset dijual = RM2 000 – (RM8 000 – RM5 600) = RM2 000 – RM2 400 = <b>- RM400 (angka negatif, rugi)</b>	Kos lengkapan = RM50 000 – RM8 000 = <b>RM42 000</b>
	Susut nilai terkumpul lengkapan = RM25 000 – RM5 600 = <b>RM19 400</b>

NOTA 8

Pelarasan terakhir berkenaan maklumat tambahan ini ialah pelarasan kepada belian.

<b>Akaun Perdagangan</b>
Belian perlu ditambah = RM322 560 + RM2 000 = <b>RM324 560</b>

**NOTA 9**

**JAWAPAN AKHIR:**

<b>Lovely Boutique</b>			
<b>a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023</b>			
	RM	RM	RM
Jualan			650 034
(-) Pulangan jualan			1 250
			648 784
<b><u>Tolak: Kos Jualan</u></b>			
Inventori awal		28 400	
<b>Belian (Nota 9)</b>	<b>324 560</b>	↓ (+)	
(+) Angkutan masuk	4 500	↓	(-)
		329 060	
		357 460	
(-) Inventori akhir		12 879	↓
Kos jualan			344 581
Untung kasar			304 203
<b><u>Tambah: Hasil</u></b>			
<b>Komisen diterima (Nota 5)</b>		<b>5 872</b>	↓ (+)
<b>Sewa diterima (Nota 6)</b>		<b>2 060</b>	
			7 932
<b><u>Tolak: Belanja</u></b>			
<b>Insurans kedai (Nota 4)</b>		<b>2 800</b>	
Gaji		22 383	
Diskaun diberi		1 160	
Faedah atas pinjaman		600	(-)
Utiliti		1 840	
<b>Hutang ragu (Nota 1)</b>		<b>119</b>	
<b>Susut nilai kenderaan (Nota 2)</b>		<b>6 800</b>	↓
<b>Susut nilaiengkapan (Nota 7)</b>		<b>10 000</b>	
<b>Rugi pelupusan kenderaan (Nota 8)</b>		<b>400</b>	
			46 102
<b>Untung bersih</b>			<b>266 033</b>

<b>Lovely Boutique</b>			
<b>b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023</b>			
	RM	RM	RM
<b><u>Aset Bukan Semasa</u></b>	<b>Kos</b>	<b>Susut nilai terkumpul</b>	<b>Nilai buku</b>
Premis	240 000	-	240 000
Kenderaan	100 000	38 800	61 200
<b>Lengkapan (Nota 8)</b>	<b>42 000</b>	<b>19 400</b>	22 600
			323 800
<b><u>Aset Semasa</u></b>			
Inventori akhir		12 879	
Akaun Belum Terima	16 250		
(-) Per. Hutang Ragu	400		
		15 850	
Bank		15 508	
Tunai		350	
<b>Insurans prabayar (Nota 4)</b>		<b>200</b>	<b>(+)</b>
		44 787	
<b><u>Tolak: Liabiliti Semasa</u></b>			
Akaun Belum Bayar	7 650	<b>(-)</b>	
<b>Pinjaman (Nota 3)</b>	<b>4 000</b>		
<b>Sewa belum terperoleh (Nota 6)</b>	<b>160</b>		
		11 810	
Modal Kerja (AS – LS)			32 977
			<b>356 777</b>
<b><u>Ekuiti Pemilik</u></b>			
Modal			99 990
(+) <b>Untung bersih (jawapan a)</b>			<b>266 033</b>
			366 023
(-) <b>Ambilan (Nota 5)</b>			<b>9 246</b>
Modal akhir			<b>356 777</b>

Rujuk di baki akhir soalan

Rujuk di baki akhir soalan



## MODUL ULANGKAJI KENDIRI – KELAB DAN PERSATUAN (KEDAH 2023)

Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Sukan dan Kebajikan Taman Lurik, Gurun Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

### Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2022 :

	RM
Rumah kelab (kos)	88 000
Alatan sukan dan rekreasi (kos)	35 000
Susut nilai terkumpul alatan sukan dan rekreasi	10 500
Belanja am prabayar	195
Yuran belum terima	1 400
Tunai di bank	5 385
Yuran belum terperoleh	1 800
Utiliti belum bayar	325

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2022 :

<b>Penerimaan:</b>	RM
Yuran ahli	11 600
Yuran masuk	3 050
Derma untuk pembesaran rumah kelab	25 000
Kutipan pertandingan futsal	4 167

<b>Pembayaran:</b>	
Alatan sukan dan rekreasi:	
Belian (dibeli pada 1 Julai 2022)	3 000
Belanja membaiki	1 230
Pembesaran rumah kelab	30 500
Belanja am	1 800
Utiliti	735
Belanja pertandingan futsal	2 262

### Maklumat tambahan pada 31 Disember 2022 :

- (i) Belanja am belum bayar RM175.
- (ii) Upah pekerja kebersihan belum bayar RM450.
- (iii) Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan hasil.
- (iv) Yuran belum terperoleh RM800.
- (v) Yuran belum terima RM1 000.
- (vi) Susut nilai alatan sukan dan rekreasi dikira 15% setahun berdasarkan baki pada akhir tempoh perakaunan menggunakan kaedah ansuran tetap.

### Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Penyata Dana Terkumpul pada 1 Januari 2022
- b) Akaun Yuran
- c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
- d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022

a) Penyata Dana Terkumpul pada 1 Januari 2022

**Petikan soalan:**

**Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2022 :**

	RM
Rumah kelab (kos) (A)	88 000
Alatan sukan dan rekreasi (kos) (A)	35 000
Susut nilai terkumpul alatan sukan dan rekreasi (A-K)	10 500
Belanja am prabayar (A)	195
Yuran belum terima (A)	1 400
Tunai di bank (A)	5 385
Yuran belum diperolehi (L)	1 800
Utiliti belum bayar (L)	325

Murid perlu mengelaskan setiap item pada tarikh 1 Januari 2022 kepada **aset dan liabiliti**. Rumus mengira dana terkumpul ialah **Aset TOLAK Liabiliti**.

**Jawapan:**

a) Penyata Dana Terkumpul pada 1 Januari 2022		
<b>Aset</b>	RM	RM
Rumah kelab		88 000
Alatan sukan dan rekreasi		24 500
(35 000 – 10 500)		
Belanja am prabayar		195
Yuran belum terima		1 400
Bank		5 385
		119 480
<b>Tolak: Liabiliti</b>		
Yuran belum diperolehi	1 800	(-)
Utiliti belum bayar	325	
		2 125
Dana Terkumpul awal		<b>117 355</b>

**Kos – SNT = Nilai buku.**  
Untuk Aset Bukan Semasa yang mempunyai baki SNT, pastikan murid memasukkan angka nilai buku sebagai jawapan.

b) Akaun Yuran

**Petikan soalan** berkaitan Akaun Yuran:

**Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2022 :**

	RM
Yuran belum terima	1 400
Yuran belum diperolehi	1 800

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2022 :

<b>Penerimaan:</b>	RM
Yuran ahli	11 600

**Maklumat tambahan pada 31 Disember 2022 :**

- (iv) Yuran belum diperolehi RM800
- (v) Yuran belum terima RM1 000

Murid hanya perlu **menyusun semula** item-item berkaitan Akaun Yuran yang diberikan dalam soalan **mengikut format Akaun Yuran yang betul**. Ibangkan akaun untuk mendapatkan **yuran sebenar** iaitu **RM12 200**.

**Jawapan:**

Akaun Yuran			
	RM		RM
Yuran belum terima	1 400	Yuran belum diperolehi	1 800
<b>Pendapatan &amp; Perbelanjaan</b>	<b>12 200</b>	Bank	11 600
Yuran belum diperolehi	800	Yuran belum terima	1 000
	<b>14 400</b>		<b>14 400</b>

c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

Pertama sekali kita fahami bahagian pendapatan:

**Petikan soalan berkaitan pendapatan:**

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2022 :

<b>Penerimaan:</b>	RM
Yuran ahli	11 600
Yuran masuk (H)	3 050
Derma untuk pembesaran rumah kelab (DT)	25 000
Kutipan pertandingan futsal	4 167

<b>Pembayaran:</b>	RM
Belanja pertandingan futsal	2 262

**Maklumat tambahan pada 31 Disember 2022 :**

(iii) Yuran masuk dianggap sebagai **pendapatan hasil**

**Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

	RM	RM
<b>Pendapatan: (H)</b>		
Yuran ahli [dari (b)]		12 200
Yuran masuk		3 050
Untung pertandingan futsal (4167 – 2262)		1 905
		17 155

Aktiviti kelab yang mempunyai hasil dan belanja perlu terus dimasukkan angka **untung atau rugi** (Hasil TOLAK Belanja) di dalam Akaun Pendapatan & Perbelanjaan.

**Petikan soalan berkaitan perbelanjaan:**

**Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2022 :**

	RM
Belanja am prabayar	(+) 195
Utiliti belum bayar	(-) 325

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2022 :

<b>Pembayaran:</b>	RM
Alatan sukan dan rekreasi:	
Belian (dibeli pada 1 Julai 2022)	3 000
Belanja membaiki (B)	1 230
Pembesaran rumah kelab	30 500
Belanja am (B)	1 800
Utiliti (B)	735
✓ Belanja pertandingan futsal	2 262

**Maklumat tambahan pada 31 Disember 2022 :**

- (i) Belanja am belum bayar RM175. (+)
- (ii) Upah pekerja kebersihan belum bayar RM450. (B)
- (vi) Susut nilai alatan sukan dan rekreasi dikira 15% setahun berdasarkan **baki pada akhir** tempoh perakaunan menggunakan kaedah **ansuran tetap**. (B)

Kos RM35 000 + Belian RM3 000

**Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022**

	RM	RM
<b>Perbelanjaan: (B)</b>		
Belanja membaiki alatan sukan & rekreasi	1 230	
Belanja am	2 170	
(1800 + 195 + 175)		
Utiliti (735 – 325)	410	
Upah pekerja kebersihan	450	
Susut nilai alatan sukan & rekreasi	5 700	
[15% x (35 000 + 3 000)]		
		9 960

**Panduan Pelarasan:**

Rujuk di baki awal / akhir	
(+) Hasil belum terperoleh awal	(-) Hasil belum terperoleh akhir
(-) Hasil belum terima awal	(+) Hasil belum terima akhir
(+) Belanja prabayar awal	(-) Belanja prabayar akhir
(-) Belanja belum bayar awal	(+) Belanja belum bayar akhir

Jawapan penuh (c):

c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

	RM	RM
<b>Pendapatan: (H)</b>		
Yuran ahli [dari (b)]		12 200
Yuran masuk		3 050
Untung pertandingan futsal		1 905
(4167 – 2262)		
		17 155
<b>Perbelanjaan: (B)</b>		
Belanja membaiki alatan sukan & rekreasi	1 230	
Belanja am (1800 + 195 + 175)	2 170	(-)
Utiliti (735 – 325)	410	
Upah pekerja kebersihan	450	
Susut nilai alatan sukan & rekreasi	5 700	
[15% x (35 000 + 3 000)]		
		9 960
<b>LEBIHAN</b>		<b>7 195</b>

d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022

Petikan soalan berkaitan Aset Bukan Semasa

Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2022 :

	RM
Rumah kelab (kos)	88 000
Alatan sukan dan rekreasi (kos)	35 000
Susut nilai terkumpul alatan sukan dan rekreasi	10 500

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2022 : (+) (+)

**Pembayaran:**

Alatan sukan dan rekreasi:	
Belian (dibeli pada 1 Julai 2022)	3 000
✓ Belanja membaiki	1 230
Pembesaran rumah kelab	30 500

**Maklumat tambahan pada 31 Disember 2022 :**

(vi) Susut nilai alatan sukan dan rekreasi dikira 15% setahun berdasarkan baki pada akhir tempoh perakaunan menggunakan kaedah ansuran tetap.

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022**

	RM	RM	RM
Aset bukan semasa	Kos	SNT	Nilai buku
Rumah kelab	118 500	-	118 500
Alatan sukan dan rekreasi	38 000	16 200	21 800
			140 300

Kos Rumah Kelab adalah baki 1 Januari 2022 **TAMBAH** dengan pembesaran rumah kelab (perbelanjaan modal) (RM88 000 + RM30 500)

Kos Alatan sukan dan rekreasi adalah baki 1 Januari 2022 **TAMBAH** dengan belian alatan sukan baru (RM35 000 + RM3 000)

Susut nilai terkumpul Alatan sukan dan rekreasi adalah baki 1 Januari 2022 **TAMBAH** dengan belian susut nilai Alatan sukan dan rekreasi (RM10 500 + RM5 700)

**Petikan soalan berkaitan Aset Semasa dan Liabiliti Semasa**

**Maklumat tambahan pada 31 Disember 2022 :**

- (i) Belanja am belum bayar RM175.
- (ii) Upah pekerja kebersihan belum bayar RM450.
- (iii) ~~Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan hasil.~~
- (iv) Yuran belum terperoleh RM800.
- (v) Yuran belum terima RM1 000.

Untuk pengiraan baki bank adalah seperti berikut:

Baki awal bank 1 Jan 2023 **RM5 385 TAMBAH** semua penerimaan **RM43 817 TOLAK** semua pembayaran **RM39 527**.

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022**

	RM	RM	RM
<b>Aset Semasa</b>			
Bank (rujuk nota)		9 675	
Yuran belum terima		1 000	
		10 675	
<b>TOLAK: Liabiliti Semasa</b>			
Belanja am belum bayar	175	(-)	
Upah pekerja kebersihan belum bayar	450		
Yuran belum terperoleh	800		
		1 425	
<b>Modal Kerja (AS – LS)</b>			9 250

(=)

**Aset dan liabiliti pada 1 Januari 2022 :**

	RM
Tunai di bank	5 385

(+)

**Penerimaan:**

**RM**

Yuran ahli	11 600
Yuran masuk Derma untuk pembesaran rumah kelab	25 000
Kutipan pertandingan futsal	4 167

(-)

**Pembayaran:**

**RM**

Alatan sukan dan rekreasi: Belian (dibeli pada 1 Julai 2022)	3 000
Belanja membaiki	1 230
Pembesaran rumah kelab	30 500
Belanja am	1 800
Utiliti	735
Belanja pertandingan futsal	2 262

**Petikan soalan berkaitan Dana Terkumpul**

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab dalam tahun 2022 :

**Penerimaan:**

Derma untuk pembesaran rumah kelab **RM 25 000**

Derma diterima bertujuan khas adalah **Pendapatan Modal** dan ditambahkan ke Dana Terkumpul.

**Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022**

	RM	RM	RM
<b>Dana Terkumpul</b>			
Dana terkumpul awal [dari (a)]			117 355
(+) Lebihan [dari (c)]			7 195
(+) Derma pembesaran rumah kelab			<b>25 000</b>
<b>Dana terkumpul akhir</b>			<b>149 550</b>

Jawapan penuh (d):

**d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022**

	RM	RM	RM
<b><u>Aset bukan semasa</u></b>	<b>Kos</b>	<b>Susut nilai terkumpul</b>	<b>Nilai buku</b>
Rumah kelab	118 500	-	118 500
Alatan sukan dan rekreasi	38 000	16 200	21 800
			140 300
<b><u>Aset Semasa</u></b>			
Bank		9 675	
Yuran belum terima		1 000	
		10 675	
			(+)
<b><u>TOLAK: Liabiliti Semasa</u></b>			
Belanja am belum bayar	175	(-)	
Upah pekerja kebersihan belum bayar	450		
Yuran belum terperoleh	800		
		1 425	
Modal Kerja (AS – LS)			9 250
			<b>149 550</b>
<b><u>Dana Terkumpul</u></b>			
Dana terkumpul awal [dari (a)]			117 355
(+) Lebihan [dari (c)]			7 195
(+) Derma pembesaran rumah kelab			25 000
Dana terkumpul akhir			<b>149 550</b>

## MODUL ULANGKAJI KENDIRI – PEMBUBARAN PERKONGSIAN (KEDAH 2023)

Adam dan Haris ialah pekongsi dalam Perkongsian AdHa. Mereka berkongsi untung rugi sama rata. Pada 31 Ogos 2023 mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian. Kedudukan kewangan Perkongsian AdHa adalah seperti berikut:

	RM
Perabot	18 000
Alatan Pejabat	6 400
Inventori	4 700
Akaun Belum Terima	8 300
Akaun Belum Bayar	5 900
Kenderaan	20 000
Bank	10 800
Akaun Modal:	
Adam	30 000
Haris	30 000
Akaun Semasa:	
Adam	3 200
Haris	900 (debit)

Perkara berikut telah dipersetujui semasa pembubaran perkongsian:

- i. Perabot dan inventori telah dijual pada harga RM21 600.
- ii. Wang sebanyak RM7 800 dapat dikutip daripada Akaun Belum Terima.
- iii. Adam telah mengambil alih kenderaan pada nilai buku manakala Haris mengambil alih alatan pejabat dengan nilai RM4 800.
- iv. Akaun Belum Bayar dijelaskan dengan diskaun sebanyak RM295.
- v. Belanja yang terlibat semasa pembubaran berjumlah RM800.
- vi. Bil utiliti RM795 yang belum dijelaskan telah ditemui semasa pembubaran.
- vii. Semua pembayaran dan penerimaan dibuat melalui bank.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Akaun Belum Bayar
- b) Akaun Realisasi
- c) Akaun Modal Pekongsi (bentuk beruangan)
- d) Akaun Bank

**Langkah-langkah menjawab:**

**Langkah pertama** adalah memasukkan semula baki-baki dari soalan ke lejar-lejar yang diperlukan iaitu baki Akaun Belum Bayar, Akaun Modal, memindahkan baki akaun Semasa ke Akaun Modal dan baki Akaun Bank. Fahamkan proses tersebut seperti ditunjukkan di bawah:

a)	<b>Akaun Belum Bayar</b>		
2023	RM	2023	RM
		Ogos 31	<b>Baki b/b</b>
			<b>5 900</b>

Akaun Belum Bayar (liabiliti) berbaki awal sebelah **kredit**.

**Petikan soalan:**

Akaun Modal:		
Adam	30 000	}
Haris	30 000	
Akaun Semasa:		
Adam	3 200	}
Haris	900 (debit)	

c)

2023		Akaun Modal		2023	
Ogos 31	Akaun Semasa	Adam	Haris	Ogos 31	Baki b/b
			→ 900		Akaun Semasa
					Adam
					30 000
					Haris
					30 000
					3 200

Di dalam soalan, butir bank tiada perkataan overdraf atau angkanya tiada tanda (), jadi baki bank dimasukkan ke sebelah **debit** sebagai aset.

d)

2023		Akaun Bank		2023	
Ogos 31	Baki b/b	RM			RM
			10 800		

**Tip!** Sekiranya soalan juga mempunyai baki Tunai, pindahkan juga baki Tunai itu ke sebelah debit akaun Bank.

2

**Langkah kedua** merupakan proses pertama dalam pembubaran perkongsian iaitu **menutup SEMUA** akaun-akaun aset **KECUALI** tunai dan bank ke sebelah **DEBIT** akaun **Realisasi**. Kenal pasti semua aset yang perlu ditutup dalam soalan.

**Petikan soalan:**

	RM
Perabot	18 000
Alatan Pejabat	6 400
Inventori	4 700
Akaun Belum Terima	8 300
Akaun Belum Bayar (LS)	5 900
Kenderaan	20 000
Bank (tak perlu tutup)	10 800

Aset-aset yang perlu ditutup adalah Perabot, Alatan pejabat, Inventori, Akaun Belum Terima dan Kenderaan.

b)

2023		Akaun Realisasi		2023	
Ogos 31		RM			RM
	Perabot		18 000		
	Alatan Pejabat		6 400		
	Inventori		4 700		
	Akaun Belum Terima		8 300		
	Kenderaan		20 000		



3

**Langkah ketiga** ialah meneliti setiap maklumat tambahan dan mengenal pasti setiap satu maklumat tersebut sama ada ianya **HASIL** realisasi (**H**), **BELANJA** realisasi (**B**) atau **BAYAR LIABILITI** (**BL**).

**Petikan soalan:**

i. Perabot dan inventori telah dijual pada harga RM21 600.

**A**

**A**

**H**

**Penerangan:** Penjualan aset-aset semasa pembubaran adalah **HASIL** realisasi. Hasil realisasi akan **DIKREDITKAN** ke **Akaun Realisasi** dan dibergukan ke **Akaun Bank**.

		<b>+B</b>	<b>Akaun Realisasi</b>		<b>+H</b>
b)	2023		RM	2023	RM
	Ogos 31	Perabot	18 000	Ogos 31	<b>Bank</b>
		Alatan Pejabat	6 400		<b>21 600</b>
		Inventori	4 700		
		Akaun Belum Terima	8 300		
		Kenderaan	20 000		
<i>dibergukan</i>					
d)	2023		RM	2023	RM
	Ogos 31	Baki b/b	10 800		
		<b>Realisasi</b>	<b>21 600</b>		

**Petikan soalan:**

ii. Wang sebanyak RM7 800 dapat dikutip daripada Akaun Belum Terima.

**H**

**Penerangan:** Kutipan wang daripada Akaun Belum Terima adalah **HASIL** realisasi. Hasil realisasi akan **DIKREDITKAN** ke **Akaun Realisasi** dan dibergukan ke **Akaun Bank**.

		<b>+B</b>	<b>Akaun Realisasi</b>		<b>+H</b>
b)	2023		RM	2023	RM
	Ogos 31	Perabot	18 000	Ogos 31	<b>Bank</b>
		Alatan Pejabat	6 400		<b>Bank</b>
		Inventori	4 700		<b>7 800</b>
		Akaun Belum Terima	8 300		
		Kenderaan	20 000		
<i>dibergukan</i>					
d)	2023		RM	2023	RM
	Ogos 31	Baki b/b	10 800		
		<b>Realisasi</b>	<b>21 600</b>		
		<b>Realisasi</b>	<b>7 800</b>		

Penjualan aset bukan semasa, kutipan daripada Akaun Belum Terima dan ambil alih aset oleh pekongsi mesti direkodkan pada nilai tunai diterima / nilai aset diambil alih.



Urus niaga (i) dan (ii) dibergukan ke sebelah debit Akaun Bank kerana perkongsian menerima tunai. Semua urus niaga melibatkan tunai adalah melalui Akaun Bank seperti dinyatakan di maklumat tambahan (vii).



**Petikan soalan:**

- iii. Adam telah mengambil alih kenderaan pada nilai buku manakala Haris mengambil alih alatan pejabat dengan nilai RM4 800.

**Penerangan:** Pastikan terlebih dahulu perkara yang diambil alih oleh pekongsi adalah **aset dan bukannya liabiliti**. Aset diambil alih oleh pekongsi merupakan **HASIL** realisasi. Hasil realisasi akan **DIKREDITKAN ke Akaun Realisasi** dan dibergukan ke **Akaun Modal** masing-masing.

+B			Akaun Realisasi			+H		
2023		RM	2023		RM	2023		RM
Ogos 31	Perabot	18 000	Ogos 31	Bank	21 600		Bank	7 800
	Alatan Pejabat	6 400		Modal Adam	20 000		Modal Haris	4 800
	Inventori	4 700						
	Akaun Belum Terima	8 300						
	Kenderaan	20 000						

Akaun Modal							
2023		Adam	Haris	2023		Adam	Haris
Ogos 31	Akaun Semasa Realisasi	20 000	900	Ogos 31	Baki b/b	30 000	30 000
			4 800		Akaun Semasa	3 200	

Nilai buku kenderaan bermaksud nilai yang sama dengan baki sedia ada.

Urus niaga (iii) dibergukan ke Akaun Modal kerana melibatkan pekongsi.

**Petikan soalan:**

- iv. Akaun Belum Bayar dijelaskan dengan diskaun sebanyak RM295.

**Penerangan:** Catatan **bayaran balik liabiliti** akan **DIKREDITKAN di Akaun Bank** dan **Akaun realisasi** akan **DIKREDITKAN** dengan **HASIL** diskaun yang diterima daripada Akaun Belum Bayar. Bayaran hutang di Akaun Bank ialah **RM5 605** (RM5 900 – RM295).

-L			Akaun Belum Bayar		
2023		RM	2023		RM
Ogos 31	Realisasi Bank	295	Ogos 31	Baki b/b	5 900
		5 605			5 900

+B			Akaun Realisasi			+H		
2023		RM	2023		RM	2023		RM
Ogos 31	Perabot	18 000	Ogos 31	Bank	21 600		Bank	7 800
	Alatan Pejabat	6 400		Bank	7 800		Modal Adam	20 000
	Inventori	4 700		Modal Adam	20 000		Modal Haris	4 800
	Akaun Belum Terima	8 300		Akaun Belum Bayar	295			
	Kenderaan	20 000						

Akaun Bank					
2023		RM	2023		RM
Ogos 31	Baki b/b	10 800	Ogos 31	Akaun Belum Bayar	5 605
	Realisasi	21 600			
	Realisasi	7 800			

Urus niaga (iv) dibergukan ke sebelah debit Akaun Belum Bayar untuk menutup akaun tersebut setelah hutang dijelaskan.

**Petikan soalan:**

v. Belanja yang terlibat semasa pembubaran berjumlah RM800.



**Penerangan:** Butiran ini merupakan **BELANJA** realisasi yang akan **DIDEBITKAN** ke **Akaun Realisasi** dan dibergukan ke **Akaun Bank**.

b)		+B	Akaun Realisasi	+H		
2023			RM	2023		RM
Ogos 31	Perabot		18 000	Ogos 31	Bank	21 600
	Alatan Pejabat		6 400		Bank	7 800
	Inventori		4 700		Modal Adam	20 000
	Akaun Belum Terima		8 300		Modal Haris	4 800
	Kenderaan		20 000		Akaun Belum Bayar	295
	<b>Bank</b>		<b>800</b>			

d)		Akaun Bank		
2023		RM	2023	RM
Ogos 31	Baki b/b	10 800	Ogos 31	Akaun Belum Bayar
	Realisasi	21 600		<b>Realisasi</b>
	Realisasi	7 800		5 605
				<b>800</b>

Urus niaga (v) dibergukan ke sebelah kredit Akaun Bank kerana perkongsian membuat pembayaran tunai.

**Petikan soalan:**

vi. Bil utiliti RM795 yang belum dijelaskan telah ditemui semasa pembubaran.



**Penerangan:** Sebarang belanja yang ditemui semasa pembubaran perlu dijelaskan dan akan **DIDEBITKAN** ke **Akaun Realisasi** sebagai **BELANJA** dan dibergukan ke Akaun Bank.

b)		+B	Akaun Realisasi	+H		
2023			RM	2023		RM
Ogos 31	Perabot		18 000	Ogos 31	Bank	21 600
	Alatan Pejabat		6 400		Bank	7 800
	Inventori		4 700		Modal Adam	20 000
	Akaun Belum Terima		8 300		Modal Haris	4 800
	Kenderaan		20 000		Akaun Belum Bayar	295
	Bank		800			
	<b>Bank</b>		<b>795</b>			

d)		Akaun Bank		
2023		RM	2023	RM
Ogos 31	Baki b/b	10 800	Ogos 31	Akaun Belum Bayar
	Realisasi	21 600		<b>Realisasi</b>
	Realisasi	7 800		800
				<b>795</b>

Urus niaga (vi) dibergukan ke sebelah kredit Akaun Bank kerana perkongsian membuat pembayaran tunai.



## MODUL ULANGKAJI KENDIRI – TITIK PULANG MODAL (KEDAH 2023)

Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Sos Maju yang mengeluarkan sos cili di Kulim, Kedah.

Berikut adalah maklumat berkaitan pengeluaran produknya:

	RM
Harga jualan seunit	4.50
Sewa kilang	1 200
Gaji	1 800
Kos tetap lain	640
Kos berubah seunit	2.5

### Anda dikehendaki:

- (i) Menghitung
  - (a) Kos Tetap
  - (b) Titik Pulang Modal
  - (c) Bilangan kuantiti yang perlu dijual untuk mencapai sasaran keuntungan RM5 400
- (ii) Melakar graf Titik Pulang Modal

### Petikan soalan:

Berikut adalah maklumat berkaitan pengeluaran produknya:

	RM
Harga jualan seunit	4.50
Sewa kilang	1 200
Gaji	1 800
Kos tetap lain	640
Kos berubah seunit	2.5

Item-item ini adalah **Kos Tetap**

$$\begin{aligned}
 \text{(i) (a) Kos Tetap} &= \text{Sewa kilang} + \text{Gaji} + \text{Kos tetap lain} \\
 &= \text{RM1 200} + \text{RM1 800} + \text{RM640} \\
 &= \mathbf{\text{RM3 640}}
 \end{aligned}$$

Pastikan calon menulis **RM** pada jawapan akhir.

$$\begin{aligned}
 \text{(b) Titik Pulang Modal} &= \frac{\text{Kos tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\
 &= \frac{\text{RM3 640}}{\text{RM2}} \\
 &= \mathbf{1\ 820 \text{ unit}}
 \end{aligned}$$

### Margin Caruman Seunit

$$\begin{aligned}
 &= \text{Harga jualan seunit} - \text{Kos berubah seunit} \\
 &= \text{RM4.50} - \text{RM2.5} \\
 &= \mathbf{\text{RM2}}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Jawapan Titik Pulang Modal dalam RM juga diterima,} \\
 &= 1\ 820 \text{ unit} \times \text{RM4.50} \text{ (Unit TPM darab harga jualan seunit)} \\
 &= \mathbf{\text{RM8 190}}
 \end{aligned}$$


Pastikan calon menulis **unit** pada jawapan akhir.

Bilangan kuantiti yang perlu dijual untuk mencapai sasaran keuntungan RM5 400

$$\begin{aligned}
 \text{(c) Unit keluaran} &= \frac{\text{Kos Tetap} + \text{Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\
 &= \frac{\text{RM3 640} + \text{RM5 400}}{\text{RM2}} \\
 &= \mathbf{4\ 520 \text{ unit}}
 \end{aligned}$$


Pastikan calon menulis **unit** pada jawapan akhir.

(ii) Melakar graf Titik Pulang Modal



Melakar graf bermaksud murid **tidak perlu** melukis graf mengikut skala yang tepat. Pastikan murid melukis kesemua garisan penting dalam graf ini (**bentuk asas**) dan **melabelkan kesemua item** seperti yang ditunjukkan dalam jawapan di atas.

Bentuk asas Graf TPM



## MODUL ULANGKAJI KENDIRI – ANALISIS & TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN (KEDAH 2023)

Maklumat berikut diperolehi daripada Amar Trading pada 31 Disember 2022 yang menjalankan perniagaan di Sungai Petani, Kedah.

	RM
Jualan (termasuk jualan tunai RM10 620)	73 400
Untung Bersih	12 670
Mesin (kos)	60 000
Inventori pada 31 Disember 2022	9 285
Akaun Belum Terima	8 600
Akaun Belum Bayar	6 532
Tunai	770
Bank	15 430
Modal pada 1 Januari 2022	91 200

### Anda dikehendaki:

- (i) menghitung
  - (a) Margin Untung Bersih
  - (b) Nisbah Semasa
  - (c) Tempoh Kutipan Hutang
  - (d) Pulangan atas Modal
- (ii) mentafsir dapatan 5b(i)(b)

### JAWAPAN:

#### Petikan soalan:

	RM
Jualan (termasuk jualan tunai RM10 620)	73 400
Untung Bersih	12 670

(i) (a) Margin Untung Bersih

$$= \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan bersih}} \times 100\%$$

$$= \frac{12\,670}{73\,400} \times 100\%$$

$$= 17.26\%$$

Tuliskan semula rumus untuk setiap pengiraan nisbah. Ini membantu untuk mendapatkan markah.

Pastikan jawapan akhir ditulis simbol '%' Jawapan akhir hendaklah dibundarkan betul kepada 2 tempat perpuluhan.

#### Petikan soalan:

	RM
Inventori pada 31 Disember 2022 (AS)	9 285
Akaun Belum Terima (AS)	8 600
Akaun Belum Bayar (LS)	6 532
Tunai (AS)	770
Bank (AS)	15 430

Kenalpasti Aset Semasa (AS) dan Liabiliti Semasa (LS) dengan betul dan masukkan ke dalam rumus.

**JAWAPAN:**

$$\begin{aligned}
 \text{(i) (b) Nisbah Semasa} &= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\
 &= \frac{RM9\,285 + RM8\,600 + RM770 + RM15\,430}{6\,532} \\
 &= \frac{RM34\,085}{RM6\,532} \\
 &= \mathbf{5.22 : 1}
 \end{aligned}$$

Pastikan jawapan akhir ditulis ':1'. Ini adalah bentuk jawapan untuk nisbah semasa dan nisbah ujian asid. Jawapan akhir juga hendaklah dibundarkan betul kepada 2 tempat perpuluhan.

**Petikan soalan:**

	RM
Jualan (termasuk jualan tunai RM10 620)	73 400
Akaun Belum Terima	8 600

**Jualan kredit** adalah jumlah jualan TOLAK jualan tunai. Rumus juga menggunakan 365 hari dengan andaian tempoh perakaunan soalan adalah selama **setahun**.

$$\begin{aligned}
 \text{(i) (b) Tempoh Kutipan Hutang} &= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan kredit}} \times 365 \text{ hari} \\
 &= \frac{RM8\,600}{RM73\,400 - RM10\,620} \times 365 \text{ hari} \\
 &= \frac{RM8\,600}{RM62\,780} \times 365 \text{ hari} \\
 &= \mathbf{50 \text{ hari}}
 \end{aligned}$$

Pastikan perkataan 'hari' ditulis pada jawapan akhir. Sekiranya jawapan mempunyai perpuluhan, bundarkan betul kepada dua tempat perpuluhan.

**Petikan soalan:**

	RM
Untung Bersih	12 670
Modal pada 1 Januari 2022	91 200

$$\begin{aligned}
 \text{(i) (b) Pulangan atas modal} &= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal awal}} \times 100\% \\
 &= \frac{RM12\,670}{RM91\,200} \times 100\% \\
 &= \mathbf{13.89\%}
 \end{aligned}$$

Pastikan jawapan akhir ditulis simbol '%' Jawapan akhir hendaklah dibundarkan betul kepada 2 tempat perpuluhan.

(b) (ii) Bagi setiap RM1 Liabiliti Semasa, perniagaan mempunyai Aset Semasa sebanyak **RM5.22** untuk menjelaskannya.

Gunakan angka dari jawapan (i)(b).



## MODUL ULANGKAJI KENDIRI – BELANJAWAN TUNAI (KEDAH 2023)

Puan Ainaa, pemilik Ainaa Bakery menjalankan perniagaan menjual roti dan kek di Pokok Sena, Kedah. Beliau dibantu oleh 2 orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM1 500 seorang.

Beliau bercadang untuk memohon pinjaman bank sebanyak RM36 000 pada bulan Julai untuk memperbesar perniagaannya.

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaannya pada 1 Julai 2023.

	RM
Tunai di tangan	2 200
Tunai di bank	20 000
Inventori	12 500
Akaun Belum Bayar	9 600

Anggaran penerimaan dan pembayaran Ainaa Bakery untuk tiga bulan adalah seperti berikut:

- (i) Belian bahan mentah untuk bulan Julai dianggarkan bernilai RM25 000. Belian bulan Ogos dan September dijangka akan meningkat sebanyak 10% daripada bulan sebelumnya.

40% daripada belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama sebulan.

- (ii) Anggaran jualan roti dan kek adalah seperti berikut:

Julai	Ogos	September
RM40 000	RM43 200	RM46 665

- (iii) Kelulusan pinjaman bank telah diperolehi pada bulan Ogos dengan kadar faedah 3% setahun. Tempoh bayaran balik adalah selama 5 tahun bermula bulan September 2023.

- (iv) Pada bulan September, seorang lagi pekerja diambil untuk menampung kerja-kerja menghias kek dengan bayaran gaji RM1 200 sebulan.

- (v) Anggaran perbelanjaan bulanan adalah seperti berikut:

Utiliti	RM1 200
Promosi	RM 100

**Anda dikehendaki menyediakan** Belanjawan Tunai bagi **tiga** bulan berakhir 30 September 2023.

1

**Langkah pertama** ialah memasukkan semula baki awal tunai perniagaan ke dalam Belanjawan Tunai.

**Petikan soalan:**

Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaannya pada 1 Julai 2023.

	RM
Tunai di tangan	2 200
Tunai di bank	20 000
Inventori	12 500
Akaun Belum Bayar	9 600

**Jawapan (petikan):**

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2023			
	Julai	Ogos	Sept
	RM	RM	RM
<b>Baki awal</b>	<b>22 200</b>		

Jumlahkan semua jenis tunai. Abaikan item bukan tunai.



2

**Seterusnya**, lengkapkan belanjawan dengan memasukkan maklumat daripada setiap pernyataan urus niaga belanjawan.

**Petikan soalan:**

- (i) **Belian** bahan mentah untuk bulan **Julai** dianggarkan bernilai **RM25 000**. Belian bulan **Ogos dan September** dijangka akan **meningkat** sebanyak **10%** daripada **bulan sebelumnya**. **40%** daripada belian adalah **secara kredit** dengan **tempoh kredit selama sebulan**.

Perhatikan pengiraan belian seperti di bawah:

	Pecahan tunai / kredit	
Julai	Tunai 60%	Kredit 40%
RM25 000	RM15 000	RM10 000
↓ x1.1	(25 000 x 0.6)	(25 000 x 0.4)
<b>Ogos</b>		
RM27 500	RM16 500	RM11 000
↓ x1.1	(27 500 x 0.6)	27 500 x 0.4)
<b>Sept</b>		
RM30 250	RM18 150	
	(30 250 x 0.6)	

Angka pecahan **Tunai** - Masukkan dalam bulan yang **sama**.

Angka pecahan **Kredit** - Anjak **satu bulan ke depan** (tempoh kredit sebulan)

Butiran belian ini akan dimasukkan di bawah **pembayaran**. Pecahan **tunai 60%** akan dimasukkan sebagai **Belian** manakala pecahan **kredit 40%** akan dimasukkan sebagai **Akaun Belum Bayar**.

**Jawapan (petikan):**

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2023			
	Julai	Ogos	Sept
	RM	RM	RM
<b>Pembayaran:</b>			
<b>Belian</b>	<b>15 000</b>	<b>16 500</b>	<b>18 150</b>
<b>Ak. Belum Bayar</b>	<b>9 600</b>	<b>10 000</b>	<b>11 000</b>

Angka ABB Julai diambil dari senarai baki-baki dalam soalan (hutang bulan Jun dibayar dalam bulan Julai).

**Petikan soalan:**

- (ii) Anggaran **jualan** roti dan kek adalah seperti berikut:

Julai	Ogos	Sept
RM40 000	RM43 200	RM46 665

Butiran jualan ini akan dimasukkan di bawah **penerimaan**. Tiada pecahan tunai atau kredit diberikan, jadi jualan ini dianggap keseluruhannya sebagai jualan tunai (tiada pengiraan diperlukan).

**Jawapan (petikan):**

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2023			
	Julai	Ogos	Sept
	RM	RM	RM
<b>Penerimaan:</b>			
<b>Jualan</b>	<b>40 000</b>	<b>43 200</b>	<b>46 665</b>

**Petikan soalan:**

Beliau bercadang untuk memohon **pinjaman** bank sebanyak **RM36 000** pada bulan Julai untuk memperbesar perniagaannya.

- (iii) **Kelulusan pinjaman** bank telah diperoleh pada bulan **Ogos** dengan kadar faedah **3% setahun**. Tempoh bayaran balik adalah selama **5 tahun** bermula bulan **September 2023**.

Pinjaman bank akan direkodkan sebagai **penerimaan** dalam bulan Ogos ketika diterima. Ketika pembayaran balik dibuat, **ansuran pinjaman beserta faedah pinjaman** akan direkod sebagai **pembayaran** bermula September.

**Jawapan (petikan):**

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2023			
	Julai	Ogos	Sept
	RM	RM	RM
<b>Penerimaan:</b>			
<b>Pinjaman</b>		<b>36 000</b>	
<b>Pembayaran:</b>			
<b>Pinjaman</b>			<b>600</b>
<b>Faedah pinjaman</b>			<b>900</b>

Pengiraan ansuran pinjaman dan faedah pinjaman bulanan:

Ansuran bulanan =  $RM36\,000 / 60$  bulan (5 x 12)  
= **RM600**

Faedah pinjaman =  $3\% \times RM36\,000 / 12$  bulanan  
= **RM90**

**Petikan soalan:**

Beliau dibantu oleh 2 orang pekerja yang dibayar gaji bulanan RM1 500 seorang.

- (iv) Pada bulan September, seorang lagi pekerja diambil untuk menampung kerja - kerja menghias kek dengan bayaran gaji RM1 200 sebulan.

Gaji akan dimasukkan di bawah **pembayaran**.

**Jawapan (petikan):**

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2023			
	Julai	Ogos	Sept
	RM	RM	RM
<b>Pembayaran:</b>			
<b>Gaji</b>	<b>3 000</b>	<b>3 000</b>	<b>4 200</b>

Gaji bulan Julai dan Ogos  
=  $RM1\,500 \times 2$  pekerja = **RM3 000**

Gaji bulan September  
=  $RM3\,000 + RM1\,200$  (pekerja baru)  
= **RM4 200**

**Petikan soalan:**

- (v) Anggaran perbelanjaan bulanan adalah seperti berikut:

Utiliti	RM1 200
Promosi	RM 100

Perbelanjaan Utiliti dan Promosi akan dimasukkan di bawah **pembayaran**.

**Jawapan (petikan):**

<b>Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2023</b>			
	<b>Julai</b>	<b>Ogos</b>	<b>Sept</b>
	RM	RM	RM
<b>Pembayaran:</b>			
Utiliti	<b>1 200</b>	<b>1 200</b>	<b>1 200</b>
Promosi	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

3

Akhir sekali, lengkapkan belanjawan mengikut langkah-langkah berikut.

- Jumlahkan penerimaan dan pembayaran pada setiap bulan.
- Kirakan Lebihan atau Kurangan pada setiap bulan (**Jumlah penerimaan TOLAK Jumlah Pembayaran**)
- Kirakan baki akhir bulan demi bulan (**Baki awal TAMBAH Lebihan**). Baki akhir bulan semasa akan menjadi baki awal bulan berikutnya.

**JAWAPAN AKHIR:**

<b>Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2023</b>			
	<b>Julai</b>	<b>Ogos</b>	<b>Sept</b>
	RM	RM	RM
<b>A</b> Baki awal	22 200	33 300	81 700
<b>Penerimaan:</b>			
Jualan	40 000	43 200	46 665
Pinjaman		36 000	
<b>B</b> <b>Jumlah Penerimaan</b>	<b>40 000</b>	<b>79 200</b>	<b>46 665</b>
<b>Pembayaran:</b>			
Belian	15 000	16 500	18 150
Ak. Belum Bayar	9 600	10 000	11 000
Pinjaman			600
Faedah pinjaman			900
Gaji	3 000	3 000	4 200
Utiliti	1 200	1 200	1 200
Promosi	100	100	100
<b>C</b> <b>Jumlah Pembayaran</b>	<b>28 900</b>	<b>30 800</b>	<b>35 340</b>
<b>D</b> Lebihan / Kurangan (B – C)	<b>11 100</b>	<b>48 400</b>	<b>11 325</b>
Baki akhir (A + D)	<b>33 300</b>	<b>81 700</b>	<b>93 025</b>

## MODUL ULANGKAJI KENDIRI – PENYATA KOS PENGELUARAN - KOS PRIMA (KEDAH 2023)

Maklumat berikut diperolehi dari Kilang Kerepek Che Nah yang beroperasi di Baling, Kedah.

	RM
Kos buruh langsung	26 000
Inventori bahan langsung pada 1 Julai 2022	9 800
Inventori bahan langsung pada 30 Jun 2023	6 400
Belian bahan langsung	34 500
Cap dagangan	1 500
Bahan api	12 000
Angkutan masuk bahan langsung	450
Bahan pembungkusan	1 200

**Anda dikehendaki menghitung:**

- (i) kos bahan langsung
- (ii) kos prima

**JAWAPAN:**

**Petikan soalan:**

	RM
Kos <b>buruh langsung</b> ✓	26 000
Inventori <b>bahan langsung</b> pada 1 Julai 2022 ✓	9 800
Inventori <b>bahan langsung</b> pada 30 Jun 2023 ✓	6 400
Belian <b>bahan langsung</b> ✓	34 500
<b>Cap dagangan (Belanja langsung)</b> ✓	1 500
Bahan api <b>(OH)</b> ✗	12 000
Angkutan masuk <b>bahan langsung</b> ✓	450
Bahan pembungkusan <b>(OH)</b> ✗	1 200

Kenalpasti item yang terlibat dalam pengiraan jawapan kos bahan langsung dan kos prima. Kos overhed tidak diperlukan.

(i) Kos bahan langsung  
 = **Inventori awal + Belian + AUDI**  
 – Inventori akhir  
 = RM9 800 + RM34 500 + RM450  
 – RM6 400  
 = **RM38 350**

(ii) Kos Prima  
 = **Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Belanja Langsung**  
 = RM38 350 + RM26 000 + RM1 500  
 = **RM65 850**

Soalan mengkehendaki murid “menghitung” jadi jawapan boleh dibuat secara pengiraan ayat matematik.



Jawapan secara Format Penyata juga diterima

**Penyata Pengeluaran (petikan):**

Kos Bahan langsung	RM	RM
Inventori awal		9 800
Belian	34 500	
(+) Angkutan masuk	450	
		34 950
		44 750
(-) Inventori akhir		6 400
<b>Kos bahan langsung digunakan</b>		<b>38 350</b>
(+) Kos buruh langsung		26 000
(+) Cap dagangan		1 500
<b>Kos Prima</b>		<b>65 850</b>